



Perkahwinan secara Paksa atau Perkahwinan Awal

Memaksa seseorang untuk berkahwin merupakan jenayah yang serius di Australia.

Di Australia, seseorang individu bebas memilih sama ada mereka mahu berkahwin ataupun tidak. Biasanya, seseorang itu mesti berusia lebih daripada **18** tahun untuk berkahwin secara sah. Dalam sesetengah keadaan, seorang yang berusia lebih daripada 16 tahun boleh berkahwin, tetapi ini memerlukan perintah mahkamah.

Seseorang itu mesti bersetuju untuk berkahwin tanpa paksaan atau penipuan.

Perkahwinan yang diatur, di mana kedua-dua pihak bersetuju untuk berkahwin secara bebas, berbeza daripada berkahwin secara paksa. Perkahwinan yang diatur adalah sah dari segi undang-undang di Australia.

Sekiranya anda atau anda mengenali sesiapa yang berada dalam bahaya, hubungi pihak polis di talian **000**.
Pihak Polis di Australia adalah selamat dan boleh dipercayai.

Untuk mendapatkan maklumat dan kaunseling sulit secara percuma, hubungi 1800 RESPECT di talian
1800 737 732.

Jika anda memerlukan khidmat penterjemah secara percuma, sila hubungi **131 450**.

Mengambil atau menghantar seseorang ke negara lain untuk berkahwin secara paksa atau mendapatkan orang lain mengatarkan perkara ini menyalahi undang-undang.

Berkahwin secara paksa dan berkahwin awal ada kalanya dikaitkan dengan orang yang dibawa masuk dari sesebuah negara ke negara yang lain atau merentasi sempadan secara paksa, dan ini menyalahi undang-undang.

Adakah anda sendiri, atau adakah anda mengenali sesiapa yang berdepan dengan risiko ini?

Hubungi **Polis Persekutuan Australia (Australian Federal Police - AFP)** di talian **131 237**. AFP boleh menyediakan nasihat awal dan merujuk mangsa perkahwinan secara paksa dan perkahwinan awal atau pemerdagangan manusia untuk sokongan, termasuk penginapan, bantuan kewangan, kaunseling dan nasihat undang-undang.

Untuk mendapatkan maklumat, ikuti pautan ke laman web AFP di **www.afp.gov.au**.

Di Australia terdapat perkhidmatan-perkhidmatan lain yang dapat membantu.

1800 RESPECT ialah perkhidmatan Kaunseling bagi Serangan Seksual dan Keganasan Keluarga dan Rumah Tangga Kebangsaan Australia (*Australia's National Sexual Assault, Family and Domestic Violence Counselling service*). Ia menyediakan maklumat dan kaunseling sulit, secara percuma melalui telefon dan juga dalam talian. Kaunselor akan mendengar masalah anda, menjawab soalan dan boleh merujuk anda kepada perkhidmatan sokongan di kawasan tempatan anda.

Hubungi talian **1800 737 732** atau kunjungi laman web 1800 RESPECT **www.1800RESPECT.org.au**.

Adakah anda memerlukan khidmat seorang jurubahasa?

Hubungi **Perkhidmatan Penterjemahan dan Jurubahasa (Translating and Interpreting Service - TIS)** secara percuma di **131 450**. TIS dapat membantu anda berkomunikasi dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain. TIS tidak menyediakan perkhidmatan kaunseling.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkahwinan secara paksa dan pemerdagangan manusia.

Ikuti pautan ke laman web Jabatan Peguam Negara (*Attorney-General's Department*) di **www.ag.gov.au**.